

22 DISEMBER 2017

Rahsia bilik kecil



INDIVIDU yang ditahan dalam serbuan dilakukan AADK Hulu Langat di Kajang, kelmarin.

Rahsia bilik kecil

■ Remaja bina kamar bawah rumah untuk hisap dadah

Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Kajang.

Dua remaja lelaki dikesan membina sebuah bilik kecil di bawah rumah menggunakan papan lapis sebagai sarang menagih dadah.

Bagaimanapun, kegiatan mereka dibongkar susulan serbuan sepasukan anggota penguat kuasa Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Hulu Langat di Kajang di sini, kelmarin.

Ketua Pegawai AADK Hulu Langat Muhammad Ramlan Syed Ahamed berkata, terdapat dua remaja lelaki

berusia 16 tahun berada di dalam bilik berkenaan dalam keadaan khayal ketika pemeriksaan dilakukan.

"Kami menemui sebuah bilik kecil di bawah rumah berkenaan selepas menjalankan pemeriksaan di sekitar kawasan itu. Ketika serbuan, hanya ada dua remaja terbahit berada di dalam bilik berkenaan.

"Bilik itu diperbuat daripada papan lapis dan ditutup dengan tirai bagi mengelak kegiatan mereka menagih dadah tidak dikesan ahli keluarga mereka sendiri," katanya.

Muhamad Ramlan berkata, dalam operasi yang bermula jam 9 malam hingga 1 pagi semalam, pihaknya turut menahan dua lagi remaja lelaki berusia 18 dan 23 tahun dalam dua serbuan berasingan di sekitar daerah ini.

"Hasil ujian saringan air kencing yang dilakukan terhadap kedua-dua remaja terbahit mendapati mereka positif dadah jenis ganja.

"Semua yang ditahan dibawa ke pejabat AADK Hulu Langat untuk tindakan lanjut mengikut Seksyen 3 (1) Akta Penagih Dadah 1983," katanya.

FAKTA
Dua remaja dalam keadaan khayal ketika pemeriksaan dilakukan